

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 2, Halaman 38-47

Pengajian Tajwid Di Akademi Pengajian Quran dan Sunnah UNIPSAS: Analisis Pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dengan Pengurusan Islam (Kepujian) terhadap Tahap Kefahaman Makhraj dan Sifat Huruf

Tajwīd Studies at the Academy of Quran and Sunnah Studies, UNIPSAS: An Analysis of Bachelor of Quranic Tahfiz with Islamic Management (Honours) Students' Level of Comprehension of Makhraj and Sifat Huruf

**Nor Athilia Irfan Rosli¹, Nik Ahmad Mumtaz Nik Din², Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad³
& Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi⁴**

- ¹ Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia
- ² Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia
- ³ Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia
- ⁴ Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia

* Corresponding Author: Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi. Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150, Malaysia, e-mail: haafiz@unipsas.edu.my, +60146586378, Orcid ID: 0000-0002-6093-1670.

Artikel dihantar: 9 November 2025

Artikel diterima: 18 November 2025

Artikel diterbit: 30 Disember 2025

S

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneliti tahap kefahaman makhraj huruf dan sifat huruf dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dengan Pengurusan Islam (Kepujian) di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). Seramai 17 orang pelajar yang mewakili keseluruhan populasi kohort terlibat sebagai responden kajian dengan menggunakan pendekatan persampelan keseluruhan. Kajian menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif dengan instrument soal selidik 30 item yang telah disahkan kesahihan oleh dua orang pakar bidang tajwid dan mempunyai kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.90. Data dianalisis menggunakan perisian Jamovi melalui analisis deskriptif frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan keseluruhan berada pada kategori baik dengan purata 64.7% jawapan betul. Analisis mendapati terdapat variasi pencapaian yang ketara antara item dengan 35.5% item dikuasai pada tahap sangat baik, 32.3% baik, 29.0% sederhana, dan 3.2% lemah. Kajian ini menegaskan perlunya pendekatan pengajaran yang lebih interaktif seperti latihan intensif sebutan dan bimbingan individu bagi memperkukuh kefahaman pelajar. Implikasi kajian ini dapat membantu meningkatkan



kualiti pengajaran dan pembelajaran tajwid khususnya dalam bidang tahfiz al-Quran di institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia.

Kata kunci

kefahaman pelajar, makhraj huruf, sifat huruf, tajwid, Tahfiz al-Quran, UNIPSAS

ABSTRACT

This study examines the level of comprehension of letter articulation points (makhraj) and letter characteristics (sifat huruf) among students of the Bachelor of Quranic Tahfiz with Islamic Management (Honours) programme at Sultan Ahmad Shah Pahang Islamic University (UnIPSAS). A total of 17 students, representing the entire cohort population, participated as respondents using complete census sampling. The study employed a quantitative survey design with a 30-item questionnaire validated by two tajwid experts and demonstrating high reliability (Cronbach's Alpha = 0.90). Data were analysed using Jamovi software through descriptive analysis of frequencies, percentages, means, and standard deviations. Findings indicate an overall good mastery level with an average of 64.7% correct answers. The analysis revealed significant variations in achievement across items, with 35.5% of items mastered at an excellent level, 32.3% at a good level, 29.0% at a moderate level, and 3.2% at a weak level. This study emphasizes the need for more interactive teaching approaches, such as intensive pronunciation practice and individual guidance, to enhance students' understanding. The implications of this research can contribute to improving the quality of tajwid teaching and learning, particularly in Quranic memorization studies at Islamic higher education institutions in Malaysia.

Keywords

Student Understanding, Makhraj al-Huruf, Sifat al-Huruf, Tajwid, Tahfiz al-Qur'an, UnIPSAS –

How to Cite: Rosli, N. A. I., Nik Din, N. A. M., Ahmad Fuad, A. H. F., & Mohd Azmi, M. H. A. Pengajian Tajwid Di Akademi Pengajian Quran Dan Sunnah UnIPSAS: Analisis Pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran Dengan Pengurusan Islam (Kepujian) Terhadap Tahap Kefahaman Makhraj Dan Sifat Huruf: Tajwid Studies at the Academy of Quran and Sunnah Studies, UnIPSAS: An Analysis of Bachelor of Quranic Tahfiz with Islamic Management (Honours) Students' Level of Comprehension of Makhraj and Sifat Huruf. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*.

DOI: 10.53840/qiraat.v8i2.106

1.0 PENGENALAN

Ilmu tajwid merupakan asas utama dalam memastikan bacaan al-Quran dilakukan dengan tepat dan menepati adab terhadap kalam Allah SWT. Penguasaan makhraj dan sifat huruf dalam konteks pengajian tahfiz menjadi tunjang penting kerana kesalahan sebutan bukan sahaja boleh mengubah makna malah menjejaskan kesahihan bacaan dan ibadah hafazan. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dengan Pengurusan Islam (Kepujian) di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) yang dijangka menjadi pendidik dan rujukan al-Quran pada masa hadapan. Walaupun melalui proses hafazan yang berstruktur, pemerhatian awal pensyarah dan analisis ujian diagnostik di UnIPSAS berkenaan mendapati sebahagian pelajar masih lemah dalam membezakan makhraj dan sifat huruf-huruf yang hampir, seperti “ص” (*sod*) dan “س” (*sin*), atau “د” (*dad*) dan “ذ” (*dha*). Kelemahan ini selari dengan dapatan kajian lepas oleh Hasani & Rosmawati (2023) yang turut menunjukkan masalah yang sama dalam kalangan pelajar tahfiz peringkat universiti. Justeru, adalah menjadi satu keperluan untuk menilai tahap kefahaman kohort pelajar ini secara lebih sistematik.



Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai dua objektif iaitu menganalisis tahap kefahaman teori dan praktikal pelajar terhadap makhraj dan sifat huruf dan mencadangkan satu strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran tersebut. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi input bernilai kepada penambahbaikan kurikulum tajwid di UnIPSAS seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti graduan hafiz dan hafizah yang lebih holistik dan kompeten.

2.0 SOROTAN LITERATUR

1. Isu dan Cabaran Penguasaan Makhraj dan Sifat Huruf.

Sorotan kajian lepas konsisten menunjukkan bahawa kelemahan penguasaan makhraj dan sifat huruf merupakan masalah yang berleluasa. Hasani dan Rosmawati (2023) mendapati pelajar politeknik masih lemah dalam sebutan huruf al-Quran walaupun mampu membaca ayat-ayat pendek. Isu ini turut dibuktikan oleh Wan Muhammad Hafizuddin et al. (2024) dengan pendedahan kesalahan sebutan tertinggi melibatkan huruf zai “ز” (75.7%) dan dhad “ض” (72.8%), menunjukkan wujudnya kekeliruan pengaruh bahasa ibunda terhadap sebutan huruf Arab. Nazratul Aini (2021) pula menambah bahawa pelajar berbangsa Melayu sering menyamakan sebutan huruf ‘Ain “ع” dengan Hamzah “ء”. Keadaan ini menggambarkan kesukaran pelajar berbangsa melayu dalam mengenal pasti makhraj sebenar huruf. Secara kesimpulannya, punca utama kesalahan ini sering dikaitkan dengan pengaruh fonetik bahasa ibunda yang menyebabkan pelajar menyamakan sebutan huruf Arab yang baharu dengan bunyi yang sedia ada dalam dialek mereka. Dalam konteks yang lebih spesifik, Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi (2019) menegaskan bahawa dalam pendidikan tahfiz, kelemahan ini bukan sahaja menjejaskan sebutan malah mengganggu kelancaran bacaan dan kesahihan hafazan.

2. Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan sifat huruf dan makhra.

Pendekatan pengajaran memainkan peranan pemangkin dalam menguasai makhraj dan sifat huruf. Kaedah tradisional seperti talaqqi dan musyafahah merupakan kaedah traditional yang terbukti berkesan kerana ia membolehkan guru membetulkan sebutan secara langsung dan mengelakkan kesalahan sebutan huruf berlaku (Muhammad Amirullah & Mohd Isa, 2023) & (Mohammad Haafiz Aminuddin et. al., 2024). Namun, dalam era moden, ketiadaan alat bantu mengajar yang menarik juga dikenal pasti sebagai faktor penghalang (Norwardatun et al., 2021). Seiring dengan itu, kajian oleh Muhammad Nur Fahmi & Nik Mohd Rahimi (2022) membuktikan bahawa penggunaan modul intervensi tajwid berasaskan teknik audio-visual menunjukkan peningkatan signifikan dalam penguasaan makhraj. Gabungan dapatan ini mencadangkan bahawa pendekatan pengajaran yang efektif perlu bersifat hybrid dan mengekalkan kekuatan kaedah tradisional sambil memanfaatkan teknologi moden untuk penjana minat dan pemahaman.

Walaupun kajian lepas banyak membincangkan isu makhraj, majoriti tumpuan diberikan kepada konteks pendidikan umum atau tahfiz peringkat sekolah dan pusat al-Quran persendirian. Kajian khusus yang menyelidiki tahap kefahaman pelajar tahfiz peringkat ijazah di institusi pengajian tinggi seperti UnIPSAS masih lagi terhad. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang ini. Berasaskan dapatan tentang keberkesanan pendekatan hibrid dan intervensi berasaskan teknologi, kajian ini mencadangkan untuk mereka bentuk dan membangunkan Modul Intervensi Makhraj dan



Sifat Huruf yang menggabungkan sesi talaqqi bersemuka dengan penggunaan simulasi audio-visual bagi huruf-huruf spesifik yang dikenal pasti bermasalah dalam kalangan pelajar UnIPSAS.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan untuk menganalisis tahap kefahaman makhraj dan sifat huruf. Populasi kajian terdiri daripada kesemua 17 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dengan Pengurusan Islam (Kepujian) di UnIPSAS. Kaedah persampelan keseluruhan digunakan dan 100% responden telah memberi kerjasama yang baik. Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang mengandungi lima bahagian: (A) Maklumat demografi, (B) Pengetahuan asas sifat dan makhraj huruf (10 item), (C) Pemahaman tentang sifat dan makhraj huruf (10 item), (D) Analisis sifat huruf dalam al-Quran (5 item) dan (E) Analisis makhraj huruf dalam al-Quran (5 item).

Data dianalisis menggunakan perisian Jamovi. Analisis deskriptif berbentuk kekerapan dan peratusan digunakan untuk menentukan peratusan jawapan betul bagi setiap item. Tahap kefahaman keseluruhan dikategorikan berdasarkan purata peratusan jawapan betul iaitu Sangat Baik (80-100%), Baik (60-79%), Sederhana (40-59%), dan Lemah (<40%). Kesahan instrumen disahkan melalui semakan dua orang pakar tajwid, manakala kebolehpercayaan diuji melalui ujian pra dengan nilai Alpha Cronbach sebanyak 0.90, yang menunjukkan konsistensi dalaman yang boleh diterima.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian merangkumi 2 bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan profil pelajar dan bahagian B berkaitan dengan tahap kefahaman pengajian makhraj dan sifat huruf di kalangan responden ditunjukkan dalam jadual-jadual di bawah. Dapatan kajian profil pelajar meliputi maklumat jantina, umur, semester pengajian, kekerapan membaca al-Quran setiap hari. Dapatan ini dapat dilihat seperti jadual berikut:

Jadual 1: Frekuensi Jantina

Jantina	Bilangan	Jumlah (%)
Lelaki	10	58.8%
Perempuan	7	41.2%

Jadual 2: Frekuensi Umur

Umur	Bilangan	Jumlah (%)
18-20 tahun	2	11.8%
21-23 tahun	13	76.5%
24 tahun ke atas	2	11.8%

Semester Pengajian	Bilangan	Jumlah (%)
1	5	29.4%
2	2	11.8%
3	3	17.6%
4	3	17.6%
6	4	23.5%

Jadual 4: Frekuensi Kekerapan Bacaan al-Quran

Kekerapan Bacaan al-Quran	Bilangan	Jumlah (%)
1-2 halaman/hari	3	17.6%
3-5 halaman/hari	8	47.1%
> 5 halaman/hari	6	35.3%

1. Pengetahuan asas sifat dan makhraj huruf.

Berdasarkan Jadual 5, majoriti item dalam dimensi ini menunjukkan penguasaan yang memberangsangkan. Enam item (E, F, G, I, J, N) mencatatkan prestasi Sangat Baik dengan peratusan melebihi 80%. Item E, J dan N mencatatkan 88.2% jawapan betul, manakala item F, G dan I mencatatkan 82.4%.

Jadual 5: Prestasi Item Pengetahuan Asas Sifat dan Makhraj Huruf

Item	% Betul	Kategori
E	88.2%	Sangat Baik
F	82.4%	Sangat Baik
G	82.4%	Sangat Baik
H	52.9%	Sederhana
I	82.4%	Sangat Baik
J	88.2%	Sangat Baik
K	70.6%	Baik
L	76.5%	Baik
M	64.7%	Baik
N	88.2%	Sangat Baik



Namun, item H (52.9%) menunjukkan prestasi sederhana yang memerlukan perhatian khusus. Kelemahan ini berpunca daripada kekeliruan dalam membezakan istilah teknikal tertentu dalam takrif makhraj.

2. Pemahaman tentang sifat dan makhraj huruf

Dimensi pemahaman menunjukkan pola yang variatif (Jadual 6). Item O mencatatkan prestasi tertinggi (94.1%) manakala item R dan X mencatatkan prestasi terendah (41.2%).

Jadual 6: Prestasi Item Pemahaman Tentang Sifat dan Makhraj Huruf

Item	% Betul	Kategori
O	94.1%	Sangat Baik
P	76.5%	Baik
Q	76.5%	Baik
R	41.2%	Sederhana
S	52.9%	Sederhana
T	82.4%	Sangat Baik
U	76.5%	Baik
V	76.5%	Baik
W	82.4%	Sangat Baik
X	41.2%	Sederhana

Prestasi lemah bagi item R dan X menunjukkan kesukaran pelajar dalam menguasai pemahaman secara komprehensif tentang makhraj dan sifat huruf. Perkara ini selari dengan dapatan (Mohammad Haafiz Aminuddin et. al., 2024) mengenai kepentingan penguasaan makhraj dan sifat huruf dalam hafazan al-Quran.

3. Penguasaan Analisis Sifat Huruf dalam al-Quran

Dimensi ini mendedahkan kelemahan kritikal seperti dalam Jadual 7. Item AA mencatatkan prestasi terendah keseluruhan (29.4%), manakala item Z menunjukkan penguasaan baik (76.5%).

Jadual 7: Prestasi Analisis Sifat Huruf dalam al-Quran

Item	% Betul	Kategori
Y	52.9%	Sederhana
Z	76.5%	Baik
AA	29.4%	Lemah
AB	47.1%	Sederhana

Kelemahan item AA yang ketara mungkin disebabkan oleh kekeliruan dalam mengenalpasti sifat huruf bagi huruf tertentu. Kekeliruan ini memerlukan sokongan dan bahan bantu mengajar yang terbaik dalam pembelajaran dan hafazan al-Quran. Perkara ini menyokong dapatan Wan Muhammad Hafizuddin et al. (2024).



4. Penguasaan Analisis Makhraj Huruf dalam al-Quran

Dimensi terakhir menunjukkan prestasi sederhana secara keseluruhan (Jadual 8). Tiada item mencapai kategori Sangat Baik, dengan item AC, AD dan AE mencatatkan prestasi tertinggi (64.7%).

Jadual 8: Prestasi Analisis Makhraj Huruf dalam al-Quran

Item	% Betul	Kategori
AC	64.7%	Baik
AD	64.7%	Baik
AE	64.7%	Baik
AF	47.1%	Sederhana
AG	41.2%	Sederhana
AH	41.2%	Sederhana

Berdasarkan analisis deskriptif, dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan sifat dan makhraj huruf dalam kalangan pelajar tahfiz. Data deskriptif yang diperoleh memberikan gambaran menyeluruh tentang pencapaian responden bagi setiap item.

Secara keseluruhan, min keseluruhan item ialah 1.35 dengan sisihan piawai 0.47. Nilai min ini menunjukkan tahap penguasaan sederhana ke baik dalam kalangan responden. Sisihan piawai yang dicatatkan mencerminkan variasi sederhana dalam pencapaian antara pelajar.

Item O mencatatkan prestasi tertinggi dengan min 1.06 dan sisihan piawai 0.243, yang sejajar dengan peratusan jawapan betul 94.1%. Item E, J, dan N turut menunjukkan prestasi cemerlang dengan min 1.12 dan sisihan piawai 0.332, bersamaan 88.2% jawapan betul. Sisihan piawai yang rendah bagi item-item ini menunjukkan konsistensi pencapaian yang tinggi dalam kalangan responden.

Item AA mencatatkan prestasi terendah dengan min 1.71 dan sisihan piawai 0.470, di mana hanya 29.4% jawapan betul. Item R, X, AG, dan AH menunjukkan min 1.59 dengan sisihan piawai 0.507, bersamaan 41.2% jawapan betul. Sisihan piawai yang lebih tinggi bagi item-item ini menunjukkan ketidakkonsistenan pencapaian dan penguasaan konsep yang pelbagai dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan analisis sisihan piawai, item dengan prestasi tinggi cenderung mempunyai sisihan piawai yang rendah seperti item O: $SD=0.243$, manakala item dengan prestasi rendah menunjukkan sisihan piawai yang lebih tinggi seperti item H: $SD=0.514$. Pola ini menunjukkan bahawa penguasaan konsep yang baik cenderung dicapai secara konsisten oleh majoriti pelajar, manakala konsep yang sukar mencatatkan variasi pencapaian yang lebih luas.



Rajah 9: Analisis Deskriptif

	N	Mean	SD
E	17	1.12	0.332
F	17	1.18	0.393
G	17	1.18	0.393
H	17	1.47	0.514
I	17	1.18	0.393
J	17	1.12	0.332
K	17	1.29	0.470
L	17	1.24	0.437
M	17	1.35	0.493
N	17	1.12	0.332
O	17	1.06	0.243
P	17	1.24	0.437
Q	17	1.24	0.437
R	17	1.59	0.507
S	17	1.47	0.514
T	17	1.18	0.393
U	17	1.24	0.437
V	17	1.24	0.437
W	17	1.18	0.393
X	17	1.59	0.507
Y	17	1.47	0.514
Z	17	1.24	0.437
AA	17	1.71	0.470
AB	17	1.53	0.514
AC	17	1.35	0.493
AD	17	1.35	0.493
AE	17	1.35	0.493
AF	17	1.53	0.514



AG 17 1.59 0.507

AH 17 1.59 0.507

5.0 CADANGAN

Secara keseluruhannya, tahap kefahaman makhraj dan sifat huruf dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dengan Pengurusan Islam (Kepujian) di UnIPSAS adalah baik namun masih perlu dipertingkatkan dalam beberapa topik yang terpilih. Kajian ini menunjukkan bahawa aspek latihan praktikal sebutan dan bimbingan berterusan amat penting untuk melahirkan pelajar yang mampu membaca al-Quran dengan tepat dan bertajwid.

Berdasarkan dapatan kajian ini yang menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam kefahaman makhraj dan sifat huruf, penyelidikan lanjutan dicadangkan dalam bentuk kajian eksperimental pembangunan dan pelaksanaan modul intervensi tajwid. Modul ini boleh dibangunkan berasaskan pendekatan *talaqqi musyafahah* yang digabungkan dengan strategi pembelajaran aktif seperti *peer teaching* (Pengajaran Rakan Sebaya) dan *guided practice* (Latihan Secara Terarah).

Kajian sebegini dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan kurikulum tajwid di institusi Islam, khususnya dalam memperkukuh pedagogi pengajaran tajwid yang lebih terancang, interaktif dan berasaskan bukti empirikal. Selain itu, cadangan merangkumi pelaksanaan latihan sebutan intensif melalui bimbingan guru berpengalaman secara *talaqqi* dan *musyafahah*, mengadakan penilaian berkala bacaan pelajar secara lisan bagi menilai ketepatan makhraj dan sifat huruf, serta memperkukuh penggunaan teknologi pendidikan seperti aplikasi latihan makhraj dan audio-visual pelbagai peringkat institusi.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa tahap penguasaan sifat dan makhraj huruf dalam kalangan pelajar tahfiz di UnIPSAS berada pada tahap yang baik secara keseluruhan, dengan purata pencapaian 64.7%. Namun, terdapat variasi ketara antara item tertentu yang menunjukkan keperluan intervensi khusus, terutamanya bagi konsep-konsep aplikasi praktikal yang mencatatkan prestasi di bawah 50%. Dapatan ini menegaskan kepentingan pendekatan pengajaran berbeza-beza dan pengukuran berterusan bagi memastikan penguasaan menyeluruh asas ilmu tajwid dalam kalangan pelajar tahfiz peringkat pengajian tinggi.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Quran dan Sunnah di atas sokongan terhadap kajian ini.



RUJUKAN

- Hamir Hamzah, J., & Mohamad Hilmi, M. S. (2019). Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar menguasai ilmu tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(1), 8–17. Universiti Malaysia Pahang Press.
- Hasani, G., & Rosmawati, R. (2023). Penguasaan bacaan al-Quran dan cabarannya dalam kalangan pelajar politeknik. *Proceedings of the International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 51–60. ICBE Publication. e-ISSN: 2785-9479.
- Mohammad Haafiz Aminuddin, M.A., Nik Ahmad Mumtaz, N.D., Mohammad Ibrahim, M.K., Haizuran, M.J., & Muhamad Razif, A. (2024). Key factors influencing the success of Quran memorization among Tahfiz students (Faktor utama yang mempengaruhi kejayaan hafalan Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz). *Al-Hikmah: Journal of Islamic and Human Sciences*, 16(2), 141–155.
- Mohamad Redha, M., Muhammad Zaid, S. K., & Shahrudin, S. (2018). Kepentingan sanad dalam menjaga keaslian al-Quran. *Proceedings of The International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith (THIQAH 2018)* (92–98). Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. e-ISBN: 978-967-2122-37-1.
- Muhammad Amirullah, J., & Mohd Isa, H. (2023). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pembelajaran al-Quran di Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 61–70. ICBE Publication. e-ISSN: 2785-9479.
- Muhammad Nur Fahmi, M.K., & Nik Mohd Rahimi, N.Y. (2022). Penggunaan Modul dalam Meningkatkan Penguasaan Makhraj Huruf Hijaiyah Murid Tahun 1. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001391. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1391>
- Nazratul Aini, R. (2021). Faktor Kesukaran Pelajar Melayu Dalam Mengenal Pasti Bunyi Huruf-Huruf Arab. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 3(1), 31–42.
- Norwardatun, M.R., Siti Rosilawati, R., & Maisarah, S. (2021). Kemahiran Bacaan al-Quran Secara Bertajwid di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Harian: Satu Tinjauan Awal, *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, 523-530. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Muhammad Hafizuddin, W.A.H, Abdul Jalal, A.M, Abd Rahman, A.G. (2024). Analisis kesalahan sebutan Huruf-huruf Al-Quran dalam kalangan pelajar dewasa di Pusat-pusat Pengajian Al-Quran Zon Utara semenanjung Malaysia. *Al-Makrifah Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 14–22. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.2.2024>